

MPC 100-16/4/20

21 Jun 2021

Frequency Response

G-2-08, SS6/16A, Dataran Glomac,
Pusat Bandar Kelana Jaya, Petaling 47301,
Petaling Jaya, Selangor
(U.P.: En. Mohd Khairul Yusli b. Mohd Yusop)

Tuan,

LANTIKAN SEBAGAI PEMBEKAL BAGI MEREKABENTUK ARTWORK DAN INFOGRAFIK 10 E-ARTIKEL PROJEK PENERBITAN AMALAN TERBAIK PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM (PLWS)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merupakan agensi dibawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah merancang untuk merekabentuk 10 e-artikel Amalan Terbaik termasuk infografik bagi *Productivity-Link Wage System* (PLWS).
3. Di antara objektif projek ini adalah untuk mendokumentasikan amalan terbaik dari sepuluh syarikat yang telah menggunakan pendekatan PLWS dalam meningkatkan produktiviti pekerja.
4. Bagi tujuan tersebut, MPC ingin melantik tuan sebagai pembekal yang akan merekabentuk artikel beserta infografik. Selain itu, pihak tuan juga perlu menambah baik layout artikel berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh MPC dan syarikat yang terlibat. Bersama-sama ini disertakan **Terma Rujukan** untuk makluman tuan.
5. Berdasarkan kepada sebutharga yang diberikan oleh pihak tuan, pihak MPC akan membayar sejumlah **RM11,600.00**. Pembayaran akan dibuat setelah projek selesai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

6. Tuan dimohon untuk melengkapkan Borang Setuju Terima Tawaran MPC dan menghantar borang tersebut kepada Ummu 'Ammarah Basyirah Hashim (email: ummu@mpc.goc.my) selewatnya **25 Jun 2021**. Pihak tuan juga boleh menghubungi pegawai tersebut di talian 03-79512461 untuk maklumat lanjut mengenai tugas ini.

Pertimbangan dan kerjasama tuan amat dihargai.
Sekian, terima kasih.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Nur Hanim Abd Ghani)

Bp Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



TERMA RUJUKAN

PROJEK MENDOKUMENTASIKAN AMALAN TERBAIK BAGI PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM (PLWS) FILE: MPC 100-16/4/20

1. Pihak dilantik perlu mereka bentuk infografik (artwork) dan layout untuk 10 e-artikel tersebut. Sebarang penambahbaikan berdasarkan cadangan yang diberikan oleh syarikat perlu dipatuhi oleh pihak yang dilantik.
2. Rekabentuk tersebut perlulah dalam bentuk softcopy dan piawaian seperti berikut dipatuhi:
 - a. Jenis tulisan – Arial 12
 - b. Jarak – 1 spacing
3. Pihak yang dilantik perlu membuat penambahbaikan ke atas layout setelah mendapat maklum balas dari MPC untuk menambah baik (deraf pertama). Tempoh ini adalah selama seminggu dari tarikh menerima maklum balas dari MPC.
4. Pihak yang dilantik perlu menghantar deraf dan membuat penambahbaikan berdasarkan kepada cadangan yang diberikan oleh syarikat (deraf kedua).
5. Projek ini dijangka siap pada **31 Ogos 2021** dengan andaian tiada penangguhan dalam mana-mana proses sepanjang pelaksanaannya.
6. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada sebut harga yang dihantar iaitu sebanyak **RM11,600.00** apabila pembekal memenuhi spesifikasi perkara 1 hingga 5.
7. Semua design artwork dan infografik yang dibuat adalah hak milik MPC dan tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).